

**Jangan lupa kepentingan raja-raja Melayu**  
**Utusan Online**  
**26 April, 2012**

UTUSAN: Kenapa Perkasa mengadakan perhimpunan ini?

IBRAHIM: Ia ada kaitan dengan latar belakang Perkasa sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang antara matlamat perjuangannya adalah untuk memperkasakan institusi raja sebagai sebahagian daripada asas Perlembagaan negara di bawah Perkara 153 dan 151.

Ini kerana, kita mendapati mutakhir ini terdapat segolongan rakyat terutamanya di kalangan generasi muda yang tidak sedar bahawa institusi raja adalah sebahagian daripada sistem pentadbiran negara kita.

Mereka tidak mengetahui fungsi penting raja sebagai payung negara, lambang perpaduan dan penyumbang kepada kelangsungan kemajuan, keselamatan dan keamanan negara kita.

Golongan ini termasuk sebahagian orang Melayu sendiri sudah tidak mengetahui sejarah dan tidak menghayati lagi pentingnya institusi raja yang sudah wujud sebelum ditubuhkan Persekutuan Tanah Melayu. Malah ia telah wujud sejak zaman Hang Tuah lagi.

Orang Melayu sepatutnya menjadi contoh dan teladan bagi memperkasa, menghormati dan memuliakan institusi raja ini, tetapi ada segelintir Melayu yang berperangai tidak senonoh dengan mempersendakan institusi ini kerana kepentingan politik.

Contohnya, kalau kita ada orang Melayu namanya Azmin. Saya bukan merujuk nama ini kepada sesiapa. Kalau Azmin ini tidak reti dan tiada adab untuk menunjukkan teladan yang baik, jadi bagaimana Tian Chua ataupun Muthusamy boleh menghormatinya (institusi raja).

Bukankah kedudukan raja sudah dijamin dalam Perlembagaan?

Walaupun sudah termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan dan tidak boleh diusik oleh sesiapa tetapi yang mendukacitakan ada segelintir kumpulan yang bukan sahaja mempersenda raja-raja malah mereka mempersendakan Islam sebagai agama rasmi. Mereka juga mempersendakan hak keistimewaan Melayu dan kedudukan bahasa Melayu.

Perhimpunan ini memberikan fokus kepada raja-raja kerana institusi ini yang banyak disasarkan, sejak wujudnya media baru.

Kita kena juga ingat bahawa apabila mereka menghina raja, ia bermakna menghina orang Melayu dan Islam kerana ketiga-tiganya tidak boleh dipisahkan ibarat aur dengan tebing dan ibarat daging dengan darah.

Adakah perhimpunan ada kaitan dengan dakwaan pemimpin pembangkang telah mencerca raja-raja Melayu?

Memang kita buat ini ada kena-mengena dengan apa yang berlaku semasa istiadat pertabalan di Istana Negara baru-baru ini dan juga rentetan daripada apa yang berlaku sebelum ini.

Kita tahu banyak perkara sensitif telah disentuh oleh pihak-pihak tertentu dan saya sendiri tidak jemu dan serik untuk berucap waktu perbahasan belanjawan ataupun titah diraja di Parlimen berkaitan Perkara 153 ini.

Tiga tahun lalu semasa Majlis Raja-raja Melayu bermesyuarat di Terengganu, ia telah mengeluarkan kenyataan mengingatkan semua rakyat jangan menyentuh perkara-perkara sensitif termasuklah kedudukan Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu, kedaulatan raja-raja Melayu dan juga hak keistimewaan Melayu.

Kemudian kita tengok dalam masa dua tiga tahun ini banyak raja-raja Melayu bertitah termasuk Sultan Perak, Sultan Kelantan, Sultan Selangor dan Sultan Johor.

Terbaru Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah yang bertitah sewaktu merasmikan pembukaan Dewan Undangan Negeri telah melahirkan kekecewaan kerana garis sempadan menyentuh agama Islam mula dilanggar oleh bukan Islam.

Kalau kita ambil semua sekali titah-titah raja ini, kita boleh simpulkan raja-raja Melayu sendiri sudah sedar bahawa ada perbuatan dan perilaku buruk di kalangan sekumpulan orang, walaupun ia kecil dan tidak mewakili majoriti, tetapi boleh menjadi barah atau seperti api dalam sekam.

Saya katakan boleh jadi barah, sebab sesuatu penyakit itu bermula dengan satu masalah yang kecil. Kalau kita tidak cegah dan ubati, ia akan merebak dan boleh menjadi lebih buruk.

Saya juga tidak bersetuju dengan kenyataan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bahawa isu mencerca Raja-Raja Melayu sebagai remeh-temeh. Bagi saya perkara yang remeh-temeh kalau dibiarkan akan menjadi besar.

Kenapakah pemimpin pembangkang sanggup melakukan perbuatan keji berkenaan?

Pembangkang ini parti politik. Mana-mana parti politik pun agendanya hendak menang dan berkuasa.

Cuma pemimpin pembangkang ini dalam mengejar kuasa, dia menjadi ghairah dan beremosi sehingga tidak mampu mengawal diri. Akhirnya mereka mengeluarkan kenyataan dan menulis sehingga melewati sempadan dan telah menyentuh perkara-perkara yang boleh mengugut negara yang tidak patut disentuh.

Kita kena ingat Peristiwa 13 Mei yang berlaku waktu pilihan raya 1969, dimulakan oleh satu parti politik yang bersifat cauvinis.

Kini isu perkauman masih lagi diungkit. Kalau pihak pembangkang menyentuh mengenai raja-raja, mereka juga menghina agama Islam dan orang Melayu berikutan kedudukan raja sebagai ketua agama Islam dan raja itu ialah orang Melayu.

Adakah ini bermakna rakyat perlu menolak pembangkang?

Pandangan peribadi saya sebagai wakil rakyat Bebas, rakyat perlu menilai antara Barisan Nasional (BN) yang memerintah sekarang dengan Pakatan Rakyat yang hendak mengambil alih kuasa.

BN adalah gabungan parti-parti politik yang telah didaftar. Dulunya dikenali sebagai Perikatan, sudah 54 tahun. Jadi dalam BN ini sudah wujud persefahaman di antara

kepimpinan Melayu dengan kepimpinan Cina, India dan lain-lain. Persefahaman ini sudah lama sebatu.

Manakala yang hendak melawan BN adalah Pakatan Rakyat yang tidak didaftar sebagai gabungan parti-parti macam BN.

Dalam BN yang mengetuai adalah UMNO manakala Pakatan Rakyat yang mengetuainya adalah Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Anwar Ibrahim. Anwar pula menghadapi pelbagai masalah moral, akhlak dan perilaku yang kronik.

Dalam pakatan pembangkang ada DAP yang memperjuangkan Malaysian Malaysia. Pas pula adalah parti ranking ketiga dalam pakatan. Mengikut hemat saya, daripada jumlah kerusi yang Pas bertanding di peringkat Parlimen atau negeri, tidak mungkin Pas boleh menjadi parti yang dominan dalam Pakatan Rakyat seperti UMNO. Kehadiran Pas di Selangor dan Perak pula hanya memecahbelahkan orang Melayu.

Jadi atas prinsip ini, saya berpandangan kalau rakyat mahu kepada kestabilan yang berterusan dan keamanan yang terjamin, memang kena teruskan dengan pemerintahan BN.

Kita kena ingat, rakyat tolak BN selama ini bukan kerana masalah konsep BN itu sendiri sebaliknya kerana ada masalah perilaku pemimpin dan individu tertentu dalam gabungan itu. Mereka seperti setitik nila yang merosakkan susu sebelanga.

Apakah aktiviti sepanjang perhimpunan?

Ia melibatkan penyampaian ucapan oleh tokoh-tokoh dan pemimpin NGO yang kita jemput. Pengisian ucapan adalah untuk sama-sama mengungkap nostalgia wujudnya kesultanan Melayu, peranannya dan kepentingan institusi berkenaan sampai ke hari ini.

Kita perlu mempertahankan institusi ini sehingga ke titisan darah yang terakhir kerana ia ada kaitan dengan Islam, bangsa dan negara.

Dalam erti kata lain, perhimpunan ini adalah satu manifestasi yang berbentuk simbolik untuk memperkasa dan memuliakan institusi raja. Antara yang dijemput untuk berucap ialah bekas Menteri Pertanian, Tan Sri Sanusi Junid dan Presiden Jalur Tiga (Jati), Datuk Dr. Hasan Ali serta ramai lagi tokoh lain.

Difahamkan satu deklarasi akan dikeluarkan?

Jawatankuasa penganjur telah memutuskan pada perhimpunan tersebut kita akan mengemukakan satu bentuk pengisytiharan yang kita namakan Deklarasi 7 Jamadilakhir, 1433 Hijrah bertajuk 'Mempertahan dan Memperkasakan Institusi Raja ke Titisan Darah Terakhir Demi Raja dan Negara'.

Pada perhimpunan tersebut kita akan membentangkannya untuk mendapat sokongan dan satu rombongan akan mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah untuk menyerahkan pengisytiharan tersebut.

Deklarasi ini adalah simbolik bagi menyatakan kesetiaan kepada Seri Paduka yang menjadi simbol mewakili raja-raja dan ia secara kebetulan sempena dengan pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-14.

Siapakah yang sepatutnya hadir?

Perhimpunan kita terbuka untuk umum daripada pelbagai kaum. Kita tidak terlalu mengambil kira jumlah yang akan hadir kerana yang paling penting majlis ini dapat dilangsungkan sebagai simbolik menyatakan taat setia kepada raja-raja Melayu.

Lagipun Perkasa adalah NGO yang tiada apa-apa sumber kewangan dan kemudahan yang cukup, jadi kita hanya berharap orang datang secara sukarela khususnya dari sekitar Kuala Lumpur dan mungkin dari Selangor.

Keunikan perhimpunan ini kerana rakyat sendiri mengambil inisiatif untuk mengadakannya sama seperti zaman Kesultanan Melayu dahulu apabila yang mengadakan sambutan raja berangkat dan hari keputeraan raja adalah rakyat. Sebab itu pada zaman dahulu rakyat boleh menghayati perasaan taat setia kepada raja.

Sekarang yang menguruskan majlis adalah kerajaan. Rakyat hanya terima kad jemputan untuk hadir majlis, mereka datang dan duduk atas kerusi, tengok sahaja tanpa apa-apa perasaan.

Ia amat berbeza kalau kita sendiri terlibat bagi mengadakan majlis, bermesyuarat, membuat sepanduk dan berucap. Proses seperti ini akan meningkatkan penghayatan rakyat dan ini yang kita hendak semarakkan.

Adakah perhimpunan ini tindak balas kepada demonstrasi Bersih 3.0?

Kedua-duanya tiada kaitan. Kita mengadakan perhimpunan ini semata-mata kerana kita mementingkan keamanan negara.

Perkasa tidak akan menganjurkan perhimpunan semata-mata bagi mencetuskan masalah dan kekecohan seperti Bersih 3.0.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0426&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0426&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm)